



# **PENGELUARAN PEKERJA BERPENCEN DAN PENGELUARAN PESARA PILIHAN**

## **TUJUAN**

### **PENGELUARAN PEKERJA BERPENCEN**

Pengeluaran ini membolehkan ahli KWSP yang **sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dan telah diberikan taraf pekerja berpencen** mengeluarkan simpanan bahagian pekerja berserta dividen sekiranya masih mempunyai baki simpanan di KWSP setelah pengembalian caruman syer kerajaan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) KWAP.

### **PENGELUARAN PESARA PILIHAN**

Pengeluaran ini membolehkan ahli KWSP yang **telah bersara secara pilihan daripada Perkhidmatan Awam** mengeluarkan semua simpanan bahagian pekerja berserta dividen sekiranya masih mempunyai baki simpanan bagi tempoh yang wajib mencarum semasa berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam.

## **KELAYAKAN MEMOHON**

<b>PENGELUARAN PEKERJA BERPENCEN</b>	<b>PENGELUARAN PESARA PILIHAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekerja dalam sektor awam dan mencarum kepada KWSP sehingga diberi taraf berpencen oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ahli telah bersara daripada Perkhidmatan Awam secara pilihan dan tidak bekerja lagi; <b>ATAU</b></li> <li>Ahli telah bersara secara pilihan daripada Perkhidmatan Awam tetapi masih berkerja dengan majikan lain atau bekerja sendiri; <b>ATAU</b></li> <li>Ahli berkhidmat dengan agensi Kerajaan dan telah bersara secara pilihan di bawah Penswastaaan atau Pengkorporatan tetapi masih bekerja dengan agensi berkenaan.</li> </ul>

## **AMAUN YANG LAYAK DIKELUARKAN**

Ahli boleh mengeluarkan caruman pekerja berserta dividen sekiranya masih mempunyai baki simpanan di KWSP setelah pengembalian caruman syer kerajaan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) KWAP.

## **KAEDAH PERMOHONAN DIPROSES**

<b>PENGELUARAN PEKERJA BERPENCEN</b>	<b>PENGELUARAN PESARA PILIHAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah caruman pekerja bagi tempoh wajib mencarum semasa berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam akan dibayar kepada ahli dan caruman majikan akan dikembalikan kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP). Sekiranya terdapat caruman yang diterima daripada majikan swasta sebelum, semasa dan selepas tempoh wajib ini, caruman tersebut juga akan dibayar kepada ahli.</li> <li>Sekiranya terdapat kesilapan dalam maklumat tempoh perkhidmatan di dalam Lampiran A - Notis Akuan Pelepasan Caruman Kerajaan Berhubung Dengan Pengeluaran Pekerja Berpencen dan bayaran syer kerajaan telah dibuat kepada KWAP, KWSP tidak akan membuat pengiraan semula. Bagaimanapun, pelarasan bayaran akan hanya dibuat apabila ahli bersara kelak.</li> <li>Dalam keadaan di mana ahli di dapati terhutang dengan kerajaan (sebahagian syer kerajaan telah terambil melalui pengeluaran sebelum ini) tiada amaun pengeluaran akan dibayar kepada ahli dan baki syer kerajaan akan dikembalikan kepada KWAP. Kerajaan akan mendapatkan semula jumlah yang terhutang itu daripada ganjaran dan / atau pencen ahli semasa bersara kelak.</li> <li>Ahli yang akan bersara wajib dalam tempoh satu tahun, <b>dinasihatkan</b> seperti berikut :-             <ol style="list-style-type: none"> <li>Tidak memohon di bawah pengeluaran ini kerana tempoh perkhidmatan muktamad sedang diproses oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pengiraan caruman kerajaan akan dibuat berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan muktamad yang diberi oleh JPA bagi membolehkan ganjaran dan pencen ahli diproses dengan tepat.</li> <li>Sekiranya jumlah caruman kerajaan telah dikira melalui maklumat B04 yang dikeluarkan oleh JPA secara atas talian ('on-line') bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak, ahli boleh memohon pengeluaran caruman pekerja di bawah Pengeluaran Umur 55 Tahun (sekiranya ada).</li> </ol> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekiranya caruman bahagian kerajaan <b>belum</b> dikembalikan kepada KWAP, KWSP perlu membuat pengiraan caruman bahagian kerajaan terlebih dahulu sebelum pengiraan simpanan bahagian pekerja yang layak dibayar kepada ahli dibuat.</li> <li>Bagi kes di mana caruman syer kerajaan <b>telah</b> dikembalikan kepada KWAP, pengiraan caruman pekerja akan dibuat sebaik sahaja permohonan diterima.</li> </ul>

## SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

BIL.	DOKUMEN UTAMA	PENGELUARAN PEKERJA BERPENCEN	PENGELUARAN PESARA PILIHAN
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9J (AHL)	√	√
2.	<b>Kad Pengenalan Diri</b> (a) MyKad / Kad Pengenalan Permautautin Tetap (MyPR) <b>ATAU</b> (b) Kad Pengenalan Polis <b>DAN</b> Surat Pengesahan Majikan menyatakan no. Polis dan no. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad/Kad Pengenalan Polis yang tidak tertera no. Kad Pengenalan Diri) Nota : <ul style="list-style-type: none"> <li>Salinan kad pengenalan tidak perlu sekiranya ahli adalah pemegang MyKad dan Pengecaman Cap Ibu Jari ahli dengan Pengkalan Data KWSP atau Bacaan MyKad adalah padan.</li> <li>Ahli yang tidak memiliki MyKad dan/atau permohonan melalui pos/ wakil masih perlu mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri masing-masing</li> </ul>	√	√
3.	<b>Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Ahli</b> Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan <b>ATAU</b> Penyata Akaun Semasa <b>ATAU</b> Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun <b>ATAU</b> Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web. Nota : <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantik</li> <li>Akaun bank mestilah yang masih aktif (Dokumen asal dikecualikan jika ahli dapat memberi maklumat akaun bank dengan betul tanpa merujuk kepada dokumen asal. Ketepatan maklumat penting bagi mengelakkan pengkreditan terus ke akaun ahli gagal)</li> </ul>	√	√
4.	Lampiran A - Notis Akaun Pelepasan Caruman Kerajaan Berhubung Dengan Pengeluaran Pekerja Berpencen	√	
5.	Bukti Pengesahan Taraf Pesara <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Pengesahan Taraf Pesara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); <b>ATAU</b></li> <li>Surat Kelulusan Pencen yang dikeluarkan oleh Bahagian Pencen, JPA</li> </ul>		√
<b>DOKUMEN TAMBAHAN</b>			
1.	<b>Permohonan Secara Pos</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP 3)</li> </ul>	√	√

### NOTA:

KWSP berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan dan menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

## PERHATIAN DAN MAKLUMAN KEPADA PEMOHON

- Bagi Pengeluaran Pekerja Berpencen, ahli adalah diingatkan supaya memastikan semua caruman kerajaan telah pun dikreditkan ke dalam akaun ahli semasa membuat permohonan kerana ianya akan menjejaskan kelulusan permohonan.
- Membuat Kenyataan Yang Tidak Betul Atau Tidak Benar Atau Mengemukakan Dokumen Palsu**  
 Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000.00 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991 (Pindaan) 2007]

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### Status Selepas Pengeluaran Pekerja Berpencen

- Ahli bukan lagi pekerja mengikut definisi Akta KWSP disebabkan ahli dianggap telah membuat pengeluaran kesemua simpanan.
- Sekiranya ahli bekerja semula dengan pihak swasta selepas pengeluaran ini, ahli diwajibkan untuk mencarum kepada KWSP tanpa perlu membuat pendaftaran sebagai ahli baru.
- Ahli hendaklah menggunakan nombor keahlian yang sama untuk mencarum dan layak menikmati semua faedah sebagai ahli KWSP.

### Pelepasan Kawalan Ke Atas Pelaburan

- KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pelaburan ahli di Institusi Pengurusan Dana (IPD) apabila ahli mencapai umur 55 tahun atau mengeluarkan semua simpanan ahli di bawah Pengeluaran Meninggalkan Negara, Pengeluaran Hilang Upaya, *Pengeluaran Pekerja Berpencen* dan Pengeluaran Kematian.

### Pilihan Mencarum Semula Selepas Pengeluaran Pekerja Berpencen

- Sekiranya ahli ingin terus mencarum kepada KWSP, ahli boleh memilih untuk mencarum semula di bawah kategori orang bekerja sendiri.

- Caruman hendaklah dibuat menggunakan KWSP 6A (1) yang boleh diperolehi di mana-mana cawangan KWSP dan dibayar oleh ahli sendiri.
- Kadar caruman yang ditetapkan ialah tidak kurang daripada RM50.00 dan tidak melebihi RM5,000.00 sebulan. Caruman ini adalah daripada gaji ahli sahaja dan majikan ahli tidak lagi diwajibkan mencarum.

## KAEDAH BAYARAN

### (i) Bayaran Dalam Malaysia

- Semua bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat :-
  - a. Ahli mempunyai akaun bank dengan bank panel KWSP yang dilantik; **DAN**
  - b. Akaun bank ahli masih aktif;
  - c. Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank.
  - d. Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM)
- Bagaimanapun, sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli seperti akaun bank tidak aktif atau nombor Kad Pengenalan Diri tidak sepadan, bayaran akan dibuat melalui cek jurubank.

### (ii) Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing. Jenis matawang adalah seperti berikut :-

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
- Dalam matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing

Nota :

KWSP akan membuat pengesahan semula dengan ahli sekiranya jenis matawang yang dipilih dalam borang permohonan tiada dalam senarai yang dibenarkan atau sebelum menukar jenis matawang kepada USD Dollar.

## CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter **ATAU** melalui pos.

### SERAHAN DI KAUNTER

- Sila bawa bersama **SEMUA** dokumen asal bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai KWSP.
- Bagaimanapun, jika salinan dokumen telah dibuat pengesahan sila pastikan salinan dokumen disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.

### SERAHAN MELALUI POS

- Sila pastikan **SEMUA** salinan dokumen telah disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.
- Permohonan melalui pos boleh dialamatkan kepada :-

#### **KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

Karung Berkunci No. 220

Jalan Sultan

46720 Petaling Jaya

**SELANGOR**

## PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Panggilan KWSP. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my) bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

***Anda Keutamaan Kami***